



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 23 JANUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SARAWAK KUAT KUASA PERINTAH VAKSINASI ANTIRABIES BAHARU, ASTRO AWANI -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	MELAKA PERKENAL BERAS MELAKA, ATASI KEKURANGAN BERAS PUTIH TEMPATAN, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	EFFORTS TO PROMOTE ONION CULTIVATION LAUDED, NATIONAL, THE SUN -3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	TAMBAH BAIK PENGAIRAN, SALIRAN SAWAH MADA, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	KADA 'HILANG' 10,336 HEKTAR KAWASAN TANAMAN PADI, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6.	CILI FERTIGASI BANTU B40 TINGKAT PENDAPATAN, GAYA TANI, UM -23	LAIN-LAIN
7.	COCONUT WILL BE IN SHORT SUPPLY THIS THAIPUSAM, NATION, THE STAR -12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2025	ASTRO AWANI	ONLINE	

Sarawak kuat kuasa perintah vaksinasi antirabies baharu



Dr Rundi mengingatkan pemilik anjing supaya mematuhi keperluan pelesenan dan pengenalan serta menggalakkan pensterilan haiwan peliharaan untuk mengelakkan kelahiran yang tidak diingini. - Gambar fail/BERNAMA

KUCHING: Sarawak menguatkuasakan perintah vaksinasi antirabies baharu selepas usaha memerangi penyakit anjing gila itu masih belum berjaya sepenuhnya sejak wabak berkenaan menular pada tahun 2017.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom yang menandatangani perintah itu pada Rabu di bawah Seksyen 40(1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar (VPHO) 1999, berkata semua anjing di negeri berkenaan kini diwajibkan untuk menjalani vaksinasi antirabies dan menerima suntikan penggalak tahunan.

"Pemilik anjing mesti memastikan haiwan peliharaan mereka divaksin. Kegagalan mematuhi perintah ini boleh dihukum denda sehingga RM2,500," katanya dalam kenyataan, sambil menambah bahawa anjing yang tidak divaksin dan terdedah kepada rabies akan dibunuh.

Beliau berkata bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Kapit, Mukah dan Bintulu telah diisytiharkan sebagai zon dijangkiti rabies selepas kes baharu dikesan.

Beliau berkata Sarawak merekodkan 123 kes positif daripada 889 sampel haiwan tahun lepas, dengan Kuching mendahului sebanyak 79 kes, diikuti Bintulu (16), Samarahan (10) dan Serian (enam), manakala Sri Aman, Kapit dan Mukah masing-masing mencatatkan empat kes.

Dr Rundi berkata, antara 6 hingga 19 Jan tahun ini, tiga kes positif rabies melibatkan haiwan peliharaan yang bebas berkeliaran dilaporkan di Kuching dan Samarahan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS), bersama pasukan khas Immune Belt Enforcement Team (IBET) telah mempertingkatkan program vaksinasi antirabies di seluruh negeri.

"Orang ramai boleh mendapatkan vaksin antirabies anjing secara percuma di mana-mana Pejabat Veterinar Kerajaan pada waktu pejabat atau semasa acara vaksinasi besar-besaran, yang akan diumumkan di Facebook rasmi DVS Sarawak," katanya.

Klinik veterinar swasta juga menawarkan perkhidmatan vaksinasi dan penjagaan kesihatan untuk haiwan peliharaan.

Beliau berkata Jabatan Kesihatan Negeri melaporkan 83 kes kumulatif dan 76 kematian manusia sejak Julai 2017, termasuk lapan kematian pada tahun 2024.

Dr Rundi turut mengingatkan pemilik anjing supaya mematuhi keperluan pelesenan dan pengenalan kerana denda akan dikenakan atas ketidakpatuhan, pada masa sama menggalakkan pensterilan haiwan peliharaan untuk mengelakkan kelahiran yang tidak diingini.

-- BERNAMA

taip untuk carian



AM > BERITA

Melaka Perkenal Beras Melaka, Atasi Kekurangan Beras Putih Tempatan

🕒 22/01/2025 06:34 PM



Ketua Menteri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (kanan) dan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh (kiri) melakukan gimik pada Walkabout Ketua Menteri di Projek Benih Padi Negeri Melaka di Sawah Tengah Padang, Merlimau, Jasin. --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

JASIN, 22 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri akan memperkenalkan Beras Melaka dalam usaha membangunkan semula industri sawah dan padi di negeri itu, sekali gus menampung pengeluaran beras negara dalam tempoh jangka panjang.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh berkata perancangan tersebut, susulan kejayaan negeri Melaka menghasilkan benih padi MR 297, iaitu varieti padi hasil tinggi yang kini digunakan secara meluas khususnya di kawasan jelapang.

"Pengeluaran beras itu hasil daripada tuaian benih padi yang tidak boleh dijadikan benih dan kemudiannya diproses menjadi Beras Melaka.





"Jadi kita ambil tanggungjawab ini dengan bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memasarkan Beras Melaka ini kepada orang Melaka," katanya kepada pemberita selepas program jelajah mesra Ketuaadamenteri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh ke Projek Benih Padi negeri Melaka di Sawah Tengah Padang, Merlimau di sini hari ini.

Dr Muhamad Akmal berkata keutamaan pasaran beras tersebut adalah hanya di dalam negeri Melaka, memandangkan beras putih tempatan amat sukar diperolehi.

"Harga jualannya pula kita sasarkan sekitar RM26 bagi pekot 10 kilogram dan dijangka beras tersebut akan mula berada di pasaran pada Februari nanti. Kita akan buat jualan sekurang-kurangnya satu daerah satu tempat mengikut stok yang ada secara datang terus dengan satu pekot terhad kepada satu keluarga," katanya.

Mengulas mengenai projek benih padi yang bermula pada September 2024 itu, Dr Muhamad Akmal berkata penuaian pertama varieti padi MR 297 yang melibatkan 18 pesawah tersebut dijangka bermula minggu ini, dengan jangkaan hasil sebanyak 189 tan di tanah seluas 42 hektar.

Beliau berkata dengan penghasilan benih di tanah berkeluasan 42 hektar tersebut, projek itu dilihat dapat menampung hampir separuh keperluan benih padi di seluruh negeri Melaka bagi satu musim penanaman yang berjumlah 180 tan.

"Misi mustahil ini telah berjaya dilaksanakan kerana dibuat di luar kawasan jelapang dan ia yang pertama kali dilakukan di Malaysia dan kita harap selepas ini, penghasilan benih padi berkenaan akan menyelesaikan masalah harga benih padi yang agak tinggi disebabkan orang tengah.

"Kita cuba jual dengan harga yang jauh lebih rendah dan ini diharap dapat membantu pesawah di Melaka, di samping melaksanakan misi kerajaan negeri untuk mengusaha danewartakan tanah-tanah sawah yang terbiar," katanya.

Dr Muhamad Akmal berkata projek dengan peruntukan RM300,000 itu juga dilihat berada pada landasan tepat, apabila pelbagai teknologi terbaharu akan turut diungapakai termasuk

Efforts to promote onion cultivation lauded

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia's push to boost onion cultivation marks a step towards reducing dependency on imports and strengthening food security, but achieving self-sufficiency will require greater effort, said Universiti Putra Malaysia Department of Agribusiness and Bioresource Economics lecturer Prof Dr Norsida Man.

She said Malaysia previously relied on imported onions due to its affordability and lack of local cultivation.

"Imported onions were cheaper, so Malaysia did not grow it. Farmers are also more comfortable cultivating other crops."

"The global shortage of onions and export bans by major suppliers

➤ Move could reduce reliance on imports and boost food security, but farmers need training on techniques and systems required. Expert

underscored Malaysia's vulnerability to imports, which accounted for 687,000 metric tonnes worth RM1.58 billion in 2022. Last year, when India banned exports due to domestic shortage, Malaysia imported from South Korea, Taiwan and Japan, which was more expensive."

She said efforts by the government and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) in supporting local onion farming are commendable but there is still

much that needs to be addressed.

"Mardi introduced new shallot varieties, namely BAW-1, BAW-2 and BAW-3. The varieties are adapted to local soil and climate conditions, and offer hope for sustainable production."

In 2023, Mardi director-general Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani said the new varieties were the result of research involving genetic material from local and international sources.

"BAW-1 is vivid red, 25mm to 35mm in size, and thrives in

mineral and BRIS (beach ridges interspersed with swales) soils. BAW-2 is pink, 28mm to 32mm, and suitable for mineral and peat soils. BAW-3, also pink but smaller at 18mm to 25mm, can grow well in BRIS, mineral and peat soils."

He said the varieties could be harvested within 75 days and produce high-quality, disease-free yields.

Norsida praised the developments and acknowledged their potential to reduce the country's reliance on imports, but cautioned that the future of onion farming in Malaysia is uncertain.

"Malaysian farmers are unfamiliar with the crop as they are more accustomed to spring onions."

"It is important to educate and support our farmers, especially smallholders, to ensure the success of Mardi onion farming initiatives. Farmers need training to adopt new practices, techniques and systems required for onion cultivation."

She also said it could take a long time to learn the right techniques and smaller farmers must be encouraged to adjust and establish themselves before they can achieve significant production.


Norsida said the integration of modern technology, infrastructure and farming facilities could accelerate progress and with the right support, onion farming could become a viable source of income.

She added that onion farming must be part of a broader strategy to secure food security and reduce reliance on imports.

She said as Malaysia advances its onion cultivation initiatives, the need for sustained efforts and collaboration between farmers, researchers and policymakers to overcome challenges and secure the nation's food supply is critical.

On Jan 11, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said local onion cultivation could save the country millions in import costs.

Norsida acknowledged the potential to reduce Malaysia's reliance on imports, but cautioned that the future of onion farming locally remains uncertain. — ADIB RAWI YAHYA / THE SUN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Tambah baik pengairan, saliran sawah MADA

ALOR SETAR: Sistem pengairan dan saliran kira-kira 10 peratus kawasan sawah di bawah kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) perlu dinaik taraf sekiranya mahu meningkatkan hasil padi pada setiap musim.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, walaupun jumlah itu tidak terlalu besar berbanding keseluruhan lebih 100,000 hektar kawasan tanaman padi namun ia boleh memberi impak positif apabila ditambah baik.

Menurutnya, kira-kira 90 peratus lagi kawasan memiliki sistem pengairan dan saliran yang teratur dan cekap walaupun ada sebahagian kecil berdepan isu tersumbat atau pembersihan.

"Selama ini timbul persoalan pengairan dan saliran MADA ini teruk sangatkah? Tetapi sebenarnya tidak cuma masalah ada sedikit dan cuma perlu tambah baik di kawasan tertentu seperti Alor Ali dan Alor Mengkuang di Pendang.

"Mungkin lebih 10 peratus kawasan bermasalah, cuma angka yang tepat saya tak pasti tetapi sebahagian besar berada dalam posisi menyokong untuk mengerjakan sawah.

"Oleh tu penambahbaikan itu perlu dilakukan bagi memastikan hasil purata lima metrik tan untuk setiap hektar seperti sekarang ini meningkat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Katanya, hasil padi hanya akan kekal seperti sekarang sekiranya penambahbaikan itu tidak dilakukan.

"Sekiranya kita mahu hasil lima tan metrik macam sekarang, tidak payah buat apa-apa. Pengairan biar begitu sahaja, yang tersumbat tak perlu dibaiki dan tak dapat air pun biarkan sahaja.

"Tetapi kita tak mahu kekal di tahap itu, kita nak tingkatkan lagi hasil agar lebih tinggi maka sistem pengairan itu kalau mesti dalam keadaan sangat baik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

KADA 'hilang' 10,336 hektar kawasan tanaman padi

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Kawasan tanaman padi di Kelantan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menyusut sebanyak 10,336 hektar selepas tanah tersebut ditukar status bagi tujuan pembangunan untuk penduduk negeri ini.

Berdasarkan rekod KADA, sebanyak 26,664 hektar kawasan masih aktif dengan tanaman itu berbanding 37,000 hektar ketika agensi berkenaan mula ditubuhkan pada 1972.

Situasi itu menyebabkan KADA kehilangan hasil pengeluaran padi sebanyak 4.16 juta tan metrik bersamaan dengan 2.7 juta kampak beras seberat 10 kilogram.

Pengerusi KADA, Khalid Abd. Samad berkata, pihaknya menggunakan pelbagai teknologi



PENGUNAAN dron adalah satu daripada usaha petani meningkatkan hasil pengeluaran padi di Kelantan.
- UTUSAN/ROHANA ISMAIL

pertanian moden dalam usaha menambah pengeluaran hasil sekali gus memastikan bekalan makanan negara terus mencukupi.

Katanya, ia merangkumi peningkatan dalam sistem pengiraan yang cekap dan pengurusan bekalan secara berkesan dengan mengurangkan pembaziran air.

"Keadan ini akan membantu memastikan tanaman padi mendapat cukup air."
"Penggunaan dron untuk pe-

mantauan ladang dan mesin pertanian yang lebih efisien turut digunakan sekali gus meningkatkan hasil tanpa memerlukan tambahan tanah sawah baharu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Khalid berkata, KADA turut menjalankan kerjasama dengan agensi penyelidik seperti Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dalam menggunakan benih berkualiti dan mempunyai daya tahan lebih tinggi terhadap kemarau, banjir, penyakit, serangga dan persekitaran.

Katanya, selain itu KADA berhasrat memperluas kawasan sawah padi di kawasan luar jelapang bagi memastikan ketahanan makanan negara berada pada tahap terbaik.

"Pada masa sama, KADA melihat dan memantau kawasan-kawasan lain yang berpotensi untuk dibangunkan dengan tanaman padi," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	23



ABDUL Razak (tengah) bergambar bersama peserta di ladang cili merah seluas empat hektar. - UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS

Cili fertigasi bantu B40 tingkat pendapatan

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
utusannews@mediamula.com.my

SERAMAI 20 penduduk Kampung Sungai Kelambu Banting yang terdiri daripada golongan B40 meraih rezeki baharu dengan menanam cili merah secara fertigasi.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah berkata, cili merah yang dihasilkan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat sejak lebih sedekad yang lalu amat terkenal dengan kualitinya yang merah menyala dan panjang.

Menurutnya, semua peserta yang dipilih untuk program menanam cili merah tersebut dipilih mengikut syarat yang telah ditetapkan.

"Pihak PPK iaitu saya sendiri menemuduga pemohon-pemohon program menanam cili merah dalam kalangan golongan B40 ini.

"Para peserta dipilih untuk menyertai program di tanah milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) ini dengan pemilihan peserta mendapat kerjasama erat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di sini," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Lawatan Kerja ke Projek Ladang Satelit Ehsan Tani bertempat di Sungai Kelambu, Banting di sini baru-baru ini.



MOHAMAD Sabu (tengah) ketika melawat ladang cili fertigasi itu baru-baru ini.

“Alhamdulillah, projek ini mampu memberi pulangan yang baik dan menjana pendapatan saya untuk menyara keluarga.”

KRITERIA PESERTA

Selain tergolong dalam kriteria individu berpendapatan bawah RM2,000, peserta perlu mempunyai minat yang mendalam untuk menjadi petani.

Kata Abdul Razak, para peserta perlu bersedia untuk belajar kaedah menanam cili merah daripada peringkat awal seperti pembajaan, memantau pertumbuhan cili sehingga ke peringkat menyelenggara sistem fertigasi secara berkala.

"Kursus intensif kita berikan kepada peserta di dalam kelas

dan secara praktikal bagi memastikan cili merah yang dihasilkan mencapai kualiti yang diinginkan.

"Kita melantik penyelia untuk memastikan kesemua peserta melaksanakan projek ini mengikut prosedur operasi standard (SOP) penanaman cili yang telah ditetapkan bagi memastikan segala proses berjalan dengan lancar," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Razak berkata, sebanyak RM3 juta dana disediakan oleh Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi menjayakan projek di atas tanah seluas empat hektar itu.

Jelasnya lagi, untuk permulaan projek yang bermula Ogos tahun lalu, disertai seramai 20 peserta yang mana setiap seorang menerima 2,000 polibeg anak pokok cili merah.

"Kita berharap program yang disertai peserta paling muda 21 tahun dan paling tua 70 tahun ini mampu memantapkan ekonomi penduduk dalam kategori B40 di sini.

"Alhamdulillah setakat ini lebih 50 tan cili merah telah dipasarkan oleh petani-petani di sini. Lebih membanggakan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu telah hadir sendiri ke sini meninjau kejayaan projek ini baru-baru ini," katanya.

PENDAPATAN TAMBAHAN

Bagi seorang peserta, Rizal Ali, 40, sebelum ini dia hanya melakukan kerja-kerja kampung dengan pendapatan sederhana.

Namun, semenjak bergelar petani cili, pendapatannya sekali tuaian mampu mencecah sehingga RM3,000.

"Saya amat berterima kasih kepada pihak KPKM, PPK Kuala Langat dan pihak pentadbiran Kampung Sungai Kelambu yang memberi peluang kepada saya untuk menyertai program ini.

"Alhamdulillah, projek ini mampu memberi pulangan yang baik dan menjana pendapatan saya untuk menyara keluarga," katanya.

Seorang lagi peserta, Mohd. Razif Misdan, 50, yang sebelum ini peniaga santan kelapa turut menjana pendapatan tambahan lumayan hasil jualan cili merah.

"Saya bersyukur selepas menjadi peserta program ini dan belajar secara teknikal menanam cili merah secara fertigasi, saya mampu menjana pendapatan tambahan.

"Apa yang penting setiap panduan yang diberikan oleh tenaga pengajar, kita perlu ikut dengan teliti. Sesungguhnya peluang keemasan yang diberi ini akan saya teruskan," ujarnya.

Coconuts will be in short supply this Thaipusam

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: This Thaipusam will likely see fewer coconuts being smashed due to a significant shortage caused by adverse weather conditions.

As a result, devotees may have to pay more as the limited supply has driven up prices.

Penang-based coconut supply shop managing director M. Joel Jeyachandran said the shortage began in September, primarily due to prolonged rainy weather that affected coconut production.

"It is a poor harvest, yet demand remains high. This has caused pricing to surge.

"Last year, a coconut was priced at RM1.90, but this year, the price has gone up to RM2.50," he said.

Joel said he could only allocate 30,000 coconuts for this year's Thaipusam celebration, a significant reduction compared to the 70,000 he supplied last year.

"We have informed those inter-



Dwindling bounty: A worker arranging coconuts for sale in preparation for Thaipusam next month at a shop in Jalan Datuk Keramat, Penang. — ZHAFARAN NASIB/The Star

even meet our daily demands for temple prayers, especially those used for Archana (offering) rituals," he said.

Coconut supplier A. Anbarasan, based in Sitawan, Perak, said the shortage is a nationwide issue.

"The plantations that supply us have informed us that this year's harvest is poor due to the weather. They simply do not have enough supply to meet the growing demand," he said.

As a result, Anbarasan said he will not supply coconuts for Thaipusam celebrations.

He said he did not have enough to meet the needs of both temples for daily prayers and the demand from devotees for Thaipusam.

"Given the limited supply, I have to prioritise the temples' needs for regular rituals."

Anbarasan said the weather has been particularly harsh in recent times, adding that every decade or more, coconut trees would yield fewer bunches.

"The wet weather has also

caused the coconuts to take longer to dry, complicating the process.

"Typically, each harvest cycle occurs every 45 days, but to meet the demand, they have had to shorten this period to just 30 days.

"This means the shells are not as strong, and the coconuts haven't fully browned, but we have no choice. We have to fulfil the temple orders," he added.

Anbarasan, who used to supply 300,000 coconuts to devotees during Thaipusam, said he could not accept any orders for now.

"We used to be able to get 15,000 coconuts a day, but now it is difficult to get even 4,000 to 5,000," he said.

Hindu devotees smash coconuts during Thaipusam to symbolise the breaking of one's ego to reveal the purity within.

Thaipusam falls on Feb 11 this year, with coconuts usually broken during the journey of the chariots to and from the temples on the eve and the day after the celebration.